



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

OPS HAZARD RAMPASAN E-WASTE BERNILAI RM 11.6 JUTA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR BERSAMA PASUKAN GERAKAN AM

PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan Operasi Ops Hazard pada 16 hingga 17 Jun 2025 sebagai langkah membanteras kegiatan haram berkaitan pengurusan buangan elektrik dan elektronik (e-waste), yang dikenal pasti sebagai antara penyumbang utama kepada pencemaran alam sekitar. Operasi bersepadu ini melibatkan **10 buah negeri** dan digerakkan dengan kekuatan seramai **181 pegawai JAS**. Turut serta dalam serbuan dan pemeriksaan ialah Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP), serta Wildlife Crime Bureau (WCB) di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kegiatan penstoran dan pemprosesan e-waste tanpa kebenaran bukan sahaja melanggar undang-undang, malah boleh menyebabkan pelepasan bahan pencemar berbahaya ke udara, air dan tanah, sekali gus memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia dan kelestarian ekosistem. Kebanyakan premis haram ini dikesan beroperasi di lokasi terpencil dan di luar kawasan industri yang diluluskan. Keadaan ini bukan sahaja menyukarkan kawalan dan pemantauan, malah menimbulkan risiko keselamatan kepada pegawai penguat kuasa serta meningkatkan potensi pencemaran alam sekitar. Secara tidak langsung, ia turut menjejaskan kepentingan awam dan kesihatan masyarakat setempat.

Operasi yang dijalankan secara serentak di seluruh negara ini melibatkan pemeriksaan ke atas **69** premis, dan berjaya menyita sebanyak lebih kurang **2,069.31** metrik tan (MT) e-waste dengan anggaran nilai **RM 11.6 juta**. Pemeriksaan mendapati terdapat:

- 21 premis beroperasi secara haram;
- 12 premis bukan yang ditetapkan;
- 7 premis berlesen di bawah JAS; dan
- 29 premis barang lusuh.

Sebanyak **24** premis telah dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), melibatkan mesin-mesin pengeluaran yang digunakan tanpa sebarang alat kawalan pencemaran. Selain itu, **59** Notis Arahan di bawah seksyen 31 dan 37 di bawah Akta 127 ke atas **40** premis dan **18** kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Kertas siasatan akan dibuka ke atas **25** premis bagi tindakan penyasatan pelbagai kesalahan yang disyaki telah dilakukan di bawah Akta 127 yang antara lainnya seperti berikut:

- i) Seksyen 16 – Gagal mematuhi syarat lesen;
- ii) Seksyen 18 – Menjadi kemudahan penstoran buangan terjadual tanpa lesen;
- iii) Seksyen 19 – Gagal mendapatkan kebenaran bertulis Ketua Pengarah Alam Sekitar;
- iv) Seksyen 34A – Gagal mengemukakan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA);
dan
- v) Seksyen 34B – Menempatkan buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

JAS ingin mengingatkan bahawa sebarang aktiviti pengurusan buangan terjadual, termasuk e-waste, yang dijalankan tanpa kelulusan KPAS adalah satu kesalahan serius di bawah undang-undang. Mengikut pindaan terkini Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, pesalah boleh dikenakan hukuman maksimum denda **RM10 juta** dan penjara sehingga **5 tahun**, jika sabit kesalahan.

JAS ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama erat yang diberikan oleh khususnya kepada PGA, PSP dan WCB di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Polis Diraja Malaysia serta lain-lain agensi yang turut terlibat dalam menjayakan operasi ini.

JABATAN ALAM SEKITAR
19 JUN 2025

